

Sukan

SILAT

Shakir mula langkah kembali wakili negara

Bekas juara dunia dan juara dunia muda Farhan ketuai pasukan empat pesilat ke Terbuka Belanda

► ISMAIL ALI
ismail@sph.com.sg

BEKAS juara dunia Muhammad Shakir Juanda memulakan usaha bersemangat kembali mewakili Singapura di gelanggang antarabangsa selepas 15 bulan akibat kecederaan apabila beliau bersama juara dunia muda Sheik Farhan Sheik Alau'ddin mengetui cabaran pasukan empat pesilat negara bertanding dalam Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Terbuka Belanda 2016 Sabtu ini.

Shakir, yang baru pulih daripada mengalami kecederaan lutut serius berpanjangan yang menghadkan penyerahan beliau dalam acara semi Sukan SEA pada Jun 2015, akan bertanding dalam acara tanding Kelas I, manakala Sheik Farhan dalam Kelas J.

Turut bertanding dalam kejuaraan selama dua hari di bandar Roermond itu ialah Nurul Suhaila Mohd Saiful (Kelas D) dan Nurzuhairah Mohd Yazid (Kelas A).

Ini kali pertama Nurzuhairah, pelajar tahun dua Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Kolej Central, dalam kejohanan di Eropah.

"Sebenarnya saya berasa ghairah kerana sudah lama tidak menyertai

acara tanding selepas cedera serius dalam Kejohanan Asia Tenggara pada April 2015.

"Oleh itu, saya ada merasai sedikit tekanan untuk memberikan yang terbaik. Namun, untuk mengatasi tekanan ini dalam Terbuka Belanda, saya hanya memberitahu diri saya untuk melakukan yang terbaik," jelas Shakir, yang muncul juara dunia dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Chiang Rai, Thailand, pada 2012.

Namun, beliau telah menunjukkan prestasi memberangsangkan dalam pertandingan ujian persahabatan menentang Pasukan DKI Jakarta di sini pada bulan lalu.

"Shakir memasuki gelanggang bagi harimau yang baru dilepaskan daripada kandang dan mengalahkan lawannya dengan begitu meyakinkan dalam perlawanan ujian itu," kata Ketua Pegawai Eksekutif, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, yang turut bertindak sebagai ketua jurulatih pasukan negara.

Namun, Shakir perlu menghadapi kejohanan di Belanda menentang lawan yang mempunyai saiz tubuh lebih besar ini dengan strategi lebih bijak.

"Beliau harus bersedia membuat penyesuaian dalam usaha memberikan yang terbaik, terutama selepas bari pulih dalam kecederaan yang lama.

"Saya mahu beliau memenangi perlawanan dengan cara yang lebih efektif dengan mengatur strategi lebih bijak daripada keluar meluru dan menghadapi risiko cedera semula," tambah jurulatih Muhammad Fiqri Aspandi, yang bersama Sheik Alau'ddin akan menemani keempat-empat pesilat negara itu di Belanda.

Dengan matlamat merebut semula gelaran juara dunia dalam kejohanan yang bakal berlangsung pada penghujung tahun ini di Bali, Indonesia, Shakir bercadang menghadapi setiap cabaran satu persatu.

"Saya yakin dengan kebolehan yang saya miliki. Kejohanan di Belanda ini akan menjadi batu loncatan bagi saya mewakili Singapura semula."

"Kini saya menanti peluang merampas semula gelaran juara dalam kejohanan di Bali pada Disember ini," ujar Shakir.

Kejohanan Terbuka Belanda kali ini akan disertai lebih 15 negara dan kelab, kebanyakannya dari seluruh Eropah.

Sejauh ini, antara negara yang mengesahkan penyertaan termasuk gergasi silat Asia Tenggara Vietnam, Malaysia, Indonesia, Jerman, United Kingdom, Perancis dan tuan rumah Belanda.



BERLEPAS HADAPI CABARAN: Pasukan pesilat negara yang terdiri daripada (dari kiri) jurulatih Muhammad Fiqri, Suhaila, Sheik Farhan, Sheik Alau'ddin, Nurzuhairah dan Shakir bersiap untuk berlepas ke Roermond bagi menyertai Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Terbuka Belanda 2016 lewat malam kelmarin. – Foto ISMAIL ALI